

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama pengkaji akan melaporkan proses pengajaran Bacaan Jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi yang telah dijalankan secara amali dibilik darjah, selama lima minggu.

Dalam bahagian kedua pengkaji akan menganalisis kemajuan murid-murid menguasai kemahiran membaca tulisan jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi berdasarkan penilaian formatif dan sumatif.

Proses pengajaran Bacaan Jawi Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi


Pengkaji telah mengajar Bacaan jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi kepada sepuluh orang murid selama lima minggu. Pengkaji mendapat peruntukan waktu mengajar Bacaan Jawi sebanyak satu jam seminggu pada setiap hari Khamis dari jam 1.10 tengahari hingga 2.10 petang. Berikut adalah laporan proses pengajaran Bacaan jawi menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi yang telah dijalankan selama lima waktu pengajaran.

Pengajaran Pertama

Guru berkenalan dengan murid-murid. Kemudian guru memulakan pengajaran dengan meminta murid-murid menyebut "aa" "ii" "uu" beberapa kali.

Guru menunjukkan kad huruf ‘*ı*’ sambil membunyikan ‘a’ dan semua murid mengikut guru membunyikan vokal ‘*ı*’ beberapa kali. Selepas itu guru memperkenalkan pula huruf vokal ‘*ı̄*’ dan murid-murid mengikut guru membunyikan vokal ‘*i*’ bersama-sama. Kemudian guru menuliskan huruf vokal ‘*i*’ di sebelah huruf ‘*ı̄*’ dan menegaskan kepada murid bahawa bunyi vokal ‘*ı̄*’ adalah sama dengan bunyi vokal ‘*i*’ dalam ejaan rumi. Setelah memastikan semua murid dapat membunyikan vokal ‘*ı̄*’ guru menunjukkan pula kad huruf vokal ‘*و*’ dan meminta murid mengikut membunyikannya beberapa kali. Huruf vokal ‘*u*’ ditulis disebelah kad huruf vokal ‘*و*’ yang telah dilekatkan di papan hitam seperti gambarajah 1 di bawah ini dan murid-murid diminta membunyikannya berulang kali.

Rajah 1




Bagi memastikan setiap murid telah menguasai bunyi huruf-huruf vokal ‘*ı̄ و ı*’ dengan betul guru telah menunjukkan kad imbasan huruf vokal ‘*ı̄ و ı*’ secara berselang seli dan meminta tiap-tiap orang murid secara perseorangan membunyikan kad huruf yang ditunjukkan.

Setelah murid-murid menguasai bunyi huruf-huruf vokal ‘*ı̄ و ı*’ guru menunjukkan pula kad huruf konsonan ‘*ك*’ sambil membunyikan ‘kh’ dan murid-murid mengikut membunyikan huruf tersebut. Guru meminta murid-murid menyebut huruf rumi yang mempunyai persamaan bunyi dengan huruf


‘ک’ kemudian guru menulis huruf ‘k’ dibawah huruf ‘ک’.

Rajah 2



Murid-murid melihat bagaimana cara guru menyambungkan huruf ‘ک’ dengan huruf ‘ا’ kemudian bersama-sama menggabungkan bunyi ‘کا’ dan menuliskan suku kata ‘ka’ di sebelahnya. Setelah setiap murid dapat mengecam dan membunyikan suku kata ‘کا’, mereka diperkenalkan pula dengan gabungan suku kata ‘کي’ dan guru menunjukkan cara menyambungkan huruf ‘ک’ dengan huruf ‘ي’. Prosedur yang sama juga digunakan untuk melatih murid membunyikan suku kata ‘کو’ dan menunjukkan cara menulisnya seperti gambarajah 3 di bawah.


Rajah 3



Murid-murid dilatih menyebut suku kata 'کو کی کا' secara berselang-seli untuk mengukuhkan kemahiran mengecam dan membunyikan suku kata itu. Setelah murid-murid menguasai bunyi tiap-tiap suku kata 'کو کی کا' murid diminta membunyikan dan membaca beberapa gabungan suku kata dan perkataan yang ditulis oleh guru di papan hitam.


Perkataan pertama yang dibentuk ialah 'کوکو' dan perkataan ditulis di papan hitam. Murid membaca perkataan 'کوکو' beberapa kali kemudian guru menulis di papan hitam perkataan 'کاکی', seperti dalam gambarajah 4 di bawah dan murid membacanya berulang kali.

Rajah 4



Setelah murid-murid menguasai bacaan perkataan 'کوکو' dan 'کاکی' murid-murid terus membaca ayat 'کوکو کاکی' yang guru tulis di papan hitam seperti dalam gambarajah 5

Rajah 5



Guru meminta murid-murid menunjukkan kuku dan kaki mereka. Guru menceritakan kepada murid-murid tentang kepentingan menjaga kebersihan

kuku kaki dan kuku tangan. Ini untuk mengukuhkan pengertian mereka terhadap hasil pembelajaran kuku dan kaki serta untuk menerapkan nilai-nilai kebersihan.

Sebagai pengukuhan murid-murid diberikan permainan menyusun set kad suku kata (کو کی کا) untuk dijadikan perkataan. Guru mengedarkan kepada setiap murid satu set kad suku kata. Setiap murid memilih dan menyusun kad-kad suku kata tersebut supaya menjadi perkataan ‘کوکو’ dan ‘کاکی’ kemudian setiap murid diminta membaca ayat tersebut.


Setelah murid-murid boleh membaca ayat tersebut mereka menulis ayat tersebut ke dalam buku mereka. Guru mengawasi dan memberi panduan kepada murid-murid cara menulis yang betul. Guru memungut hasil kerja tulisan murid untuk diperiksa dan dibetulkan. (lihat lampiran I)

Pengajaran Kedua

Guru memulakan pengajaran dengan meminta setiap murid membunyikan suku kata dan membaca ayat mudah yang telah dipelajari dalam pelajaran yang lalu iaitu ayat ‘کوکو کاکی’ bagi memastikan murid-murid dapat menguasai pelajaran yang lalu.

Selepas itu guru menunjukkan kad huruf ‘د’sambil membunyikan ‘dh’ dan murid-murid mengikut membunyikannya berulang kali. Guru menuliskan huruf ‘d’ dibawah huruf ‘د’ di papan hitam seperti dalam gambarajah 6 dan menegaskan bahawa huruf ‘d’ dan ‘د’ mempunyai bunyi yang sama serta meminta murid membunyikan ‘dh’ beberapa kali.

Rajah 6



Guru menunjukkan kad suku kata ‘دا’ dan membunyikannya dan murid-murid mengikut membunyikannya beberapa kali. Guru menuliskan suku kata ‘da’ di sebelah kad suku kata ‘دا’. Setelah murid-murid boleh menguasainya guru melekatkan kad sukukata ‘دي’ di papan hitam seperti gambarajah 7 di bawah dan menuliskan sukukata ‘di’ di sebelahnya sambil membunyikannya dan murid-murid mengikut membunyikannya berulang kali. Kemudian teknik yang sama digunakan bagi memperkenalkan bunyi suku kata ‘دو’.

Rajah 7

دا	=	da
دي	=	di
دو	=	du

Murid-murid dilatih menyebut suku kata دا، دی و دو، guru menggabungkan suku kata دا + دا dan membunyikannya, murid-murid mengikut membunyikannya berulang kali. Begitu juga dengan suku kata کو + کو و دا + دا teknik yang sama digunakan.

Setelah murid-murid menguasai bacaan perkataan داکو، دادا، دادا و دوکو. Guru memperkenalkan kad perkataan دا sambil menyebut perkataan ada dan murid membunyikannya berulang kali kemudian guru menunjukkan kad perkataan دی و menyebutkan perkataan dia dan murid-murid mengikut menyebutkannya berulang kali.

Sebagai pengukuhan murid-murid diberikan permainan menyusun kad suku kata untuk dijadikan perkataan. Guru memberi satu set kad suku kata-suku kata دا، دی، دو، کو، کا، کی. Murid-murid menyusun dan

menunjukkan kepada guru perkataan yang disebut oleh guru dari gabungan suku kata huruf-huruf yang telah dipelajari seperti ‘کوکا، دی، اد، دادا کاکی’ dan ‘دوکو’.

Setelah murid-murid menguasai perkataan-perkataan tersebut guru menulis ayat ‘دی اد دوکو’ dan ‘دادا کوکا’ di papan hitam dan setiap murid datang ke papan hitam dan membacanya. Di akhir pelajaran didapati lima orang murid boleh membaca ayat ‘دادا کوکا’ dan ‘دی اد دوکو’ dengan betul dan lancar manakala lima orang murid lagi belum dapat membaca dengan lancar dan masih salah membaca perkataan ‘کوکا’ dan ‘دوکو’. Murid-murid ini terlupa bunyi suku kata awal setelah membunyikan suku kata kedua, seperti perkataan ‘کوکا’ dibaca ‘دادا’. Lima orang murid yang boleh membaca dengan betul dan lancar akan dikumpulkan dalam kumpulan A, manakala lima orang murid yang kurang lancar dan masih silap membaca suku kata akan dikumpulkan dalam kumpulan B dalam pengajaran yang akan datang.

Pengajaran Ketiga


Pengajaran dimulakan dengan mengulangkaji pelajaran yang lepas. Murid-murid dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan tahap pencapaian mereka dalam pelajaran sebelumnya.

Guru memberikan satu set kad suku kata kepada lima orang murid dalam kumpulan A mereka menyusun kad-kad tersebut untuk membina beberapa perkataan yang bermakna secara berkumpulan. Aktiviti ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan kefahaman murid-murid kumpulan A dalam memanipulasikan suku kata ‘دا دی دو’ dan ‘کا کی کو’ yang telah dipelajari. Murid-murid ini telah dapat membina beberapa perkataan baru seperti ‘دادا کاکی’ dan ‘دوکا، دادا، دادو’. Pada masa yang sama guru melatih tubi lima orang murid dalam kumpulan B membaca ayat ‘دادا کوکا’ dan ‘دی اد کوکا’. Mereka membaca ayat-

ayat tersebut beberapa kali secara berkumpulan kemudian murid membaca secara perseorangan.

Setelah murid-murid boleh membaca ayat-ayat dalam pelajaran yang lepas guru menuliskan huruf konsonan baru ‘ب’ di papan hitam sambil membunyikan dan murid-murid mengikut membunyikannya berulang kali. Guru menuliskan huruf ‘b’ di sebelah huruf ‘ب’ seperti dalam rajah 8 dan menegaskan bahawa huruf-huruf tersebut mempunyai bunyi yang sama serta meminta murid-murid membunyikan beberapa kali.

Rajah 8



Murid-murid melihat bagaimana guru menyambungkan huruf ‘ب’ dengan huruf ‘b’ sambil membunyikan ‘ب’ dan murid-murid membunyikannya beberapa kali. Guru menulis huruf ‘ba’ disebelahnya sebagai bantuan untuk murid-murid membacanya. Setelah murid-murid boleh membunyikan suku kata tersebut guru memperkenalkan pula suku kata ‘بی’ dan ‘بی’ kepada murid-murid dengan cara yang sama.

Rajah 9

$\text{ب} \leftarrow \text{ب} + \text{ا}$	ba
$\text{ب} \leftarrow \text{ب} + \text{ي}$	bi
$\text{ب} \leftarrow \text{ب} + \text{و}$	bu

Murid-murid dilatih menyebutkan suku kata 'بَا بَيْ بُو' secara berselang seli untuk mengukuhkan kemahiran mengecam dan membunyikan suku kata tersebut.

Setelah murid-murid menguasai bunyi suku kata 'بَا بَيْ بُو' guru menggabungkan suku kata-suku kata tersebut menjadi perkataan 'بَابَا، بُوبُو، ابُو، اوبي' dan murid membacanya berulang berulang kali sehingga lancar.

Selepas murid-murid menguasai perkataan tersebut mereka membaca ayat 'اوبي بَابَا' dan 'بُوبُو ابُو' berulang kali.

Semasa melatih tubi murid-murid kumpulan B membaca ayat 'بُوبُو ابُو' dan 'اوبي بَابَا' dengan betul secara berkumpulan, murid kumpulan A diberi satu set kad suku kata dan mereka mencuba membina ayat-ayat sendiri sebagai aktiviti pengkayaan bagi mengukuhkan kemahiran dan kefahaman dalam suku kata-suku kata yang dipelajari.

Pengajaran Keempat

Guru memulakan pengajaran dengan mengulangkaji pelajaran-pelajaran yang lepas. Guru menyemak bacaan tiap-tiap orang murid bagi ayat berikut:

1. كوكو كاكى
2. كردا ابر
3. دي اد بوكو
4. بوبو ابُو
5. اوبي بَابَا

Semasa guru mendengar bacaan setiap murid, murid-murid yang lain diberikan satu set kad suku kata dan mereka belajar sambil bermain menyambungkan kad suku kata-suku kata tersebut menjadi perkataan dan ayat yang bermakna.

Setelah memastikan murid telah menguasai pelajaran yang lepas, guru memperkenalkan huruf konsonan baru ‘س’ dan menegaskan bahawa bunyi konsonan ‘س’ sama dengan konsonan ‘s’ dalam tulisan rumi dan menuliskan huruf ‘s’ disebelah huruf س seperti gambarajah 10 dibawah. Guru membunyikan huruf konsonan ‘س’ dan murid-murid mengikutnya berulang kali.

Rajah 10

س = s

Semua murid melihat bagaimana guru menyambungkan huruf ‘س’ dengan huruf ‘s’ sambil membunyikan ‘س’ dan murid mengikut membunyikan beberapa kali. Setelah itu guru menunjukkan pula cara menyambungkan huruf ‘س’ dengan ‘ي’ sambil membunyikan ‘سي’ dengan diikuti oleh murid-murid. Seterusnya guru menunjukkan cara menyambungkan huruf ‘س’ dengan ‘و’ sambil membunyikan ‘سو’ dengan diikuti oleh murid beberapa kali.

Bagi memastikan murid telah menguasai bunyi suku kata ‘س’، ‘سی’، ‘سو’ guru menunjukkan kad-kad suku kata tersebut secara berselang seli dan meminta murid-murid membunyikan suku kata yang ditunjukkan.

Guru menggabungkan suku kata yang telah dipelajari menjadi perkataan ‘بوسو’ + ‘سو’ + ‘بو’ seperti dalam gambarajah dibawah dan murid-murid membunyikan secara berulang kali.

Rajah 11

بوسو ← سو + بو
سوک ← سو + ک
سوسو ← سو + سو

Setelah semua murid dapat menguasai perkataan tersebut, guru meminta murid membaca ayat-ayat di bawah ini:

1. بوكو بوسو.
2. بوسو اد دوكو.
3. بوسو سوك سوسو.
4. بابا سوك ساسي.

Murid-murid kumpulan A diminta membantu murid-murid kumpulan B membaca ayat-ayat mudah itu. Dalam aktiviti berpasangan ini, murid kumpulan B akan cuba membaca ayat-ayat tersebut. Murid-murid kumpulan A akan membuat pembetulan jika murid-murid kumpulan B melakukan kesilapan semasa membaca. Guru memerhatikan dan memberi bimbingan kepada murid cara menjalankan aktiviti tersebut. Hasilnya murid-murid kumpulan B dapat membaca ayat-ayat tersebut dengan betul dan lancar.

Pengajaran Kelima

Guru memulakan pengajaran dengan meminta setiap murid membaca ayat-ayat berikut:

1. بوكو بوسو.
2. بوسو اد دوكو.
3. بوسو سوك سوسو.
4. بابا سوك ساسي.

Setelah semua murid telah menguasai pelajaran yang lepas, guru memperkenalkan huruf konsonan baru ‘ت’ dan menegaskan bahawa bunyi konsonan ‘ت’ sama dengan bunyi konsonan ‘t’ dan menuliskan huruf ‘ت’ di sebelah huruf ‘ت’ seperti rajah 12. Guru membunyikan huruf konsonan ‘ت’ dan murid-murid mengikuti membunyikannya berulang kali.

Rajah 12

ت = t

Guru menunjukkan kad huruf ‘ت’ dan ‘ا’ dan murid-murid membunyikannya. Kemudian guru menunjukkan pula huruf ‘ت’ dan ‘ي’ dan huruf ‘ت’ dan ‘و’ serta meminta murid-murid membunyikannya seperti rajah di bawah:

Rajah 13

تا ←	ت + ا
تي ←	ت + ي
تو ←	ت + و

Setelah murid-murid menguasai bunyi suku kata ‘تا’ guru menggabungkan suku kata-suku kata tersebut menjadi perkataan ‘كتي’، ‘باتو’، ‘باتا’، ‘تيتي’، ‘كات’، ‘آيت’. Murid-murid membaca perkataan tersebut berulang kali hingga lancar.

Setelah murid-murid menguasai perkataan-perkataan tersebut murid-murid membaca ayat:

1. آيت باتو باتا.

2. كات ابو آيت ہوكو کيت.

Dalam masa yang singkat murid-murid telah boleh membaca ayat-ayat tersebut dengan betul dan lancar. Ini mungkin disebabkan konsonan ‘ت’ lebih mudah dipelajari. Setelah murid-murid boleh membaca ayat-ayat tersebut dengan lancar guru memperkenalkan huruf konsonan baru ‘م’ dan menerangkan bahawa bunyi ‘م’ sama dengan bunyi huruf ‘m’ dan menuliskan huruf ‘m’ di

sebelah huruf ‘م’ seperti dalam rajah 14.

Rajah 14

م = m

Murid-murid membunyikan suku kata ‘م’، مي، مو berulang kali. Setelah murid-murid menguasai suku kata tersebut guru memberikan beberapa set kad suku kata dan murid menyusun dan menunjukkan perkataan ماس، مودا، موک، مات، ماما، کامي dan کامی.

Murid-murid diminta membaca perkataan tersebut hingga lancar. Setelah murid-murid dapat membaca perkataan tersebut dengan lancar mereka diminta menyusun ayat-ayat berikut:

1. ساي سوک ماما.
2. موک ماما مودا.
3. مات ماما کامي.

Setelah semua murid berjaya menyusun dan membentuk ayat-ayat mudah tersebut, mereka membacanya sehingga lancar.

Sebagai pengukuhan guru mengakhiri pelajaran dengan memberi latihan ejaan jawi. Guru menyebut sepuluh perkataan berikut:

1. Kuda
2. Saku
3. Batu.
4. Susu
5. Kati
6. Baba
7. Mama
8. Sasi

9. Kaki

10. Madu

Murid-murid diminta menulis perkatan tersebut dalam ejaan jawi. Setelah siap guru menyemak jawapan murid-murid bersama-sama di dalam kelas. Kemudian guru menunjukkan ejaan yang betul dan meminta murid-murid membuat pembetulan di dalam buku mereka.

Perbincangan

Pada peringkat permulaan guru menekankan penguasaan bunyi vokal ‘ا’، ‘ي’ و ‘و’ kerana setiap suku kata dalam Bahasa Melayu mempunyai huruf vokal. Semua murid cepat menguasai kemahiran membunyikan vokal ‘ا’، ‘ي’ و ‘و’ kerana murid telah pun menguasai bunyi vokal ‘a i u’ dalam ejaan rumi sebelumnya.

Selepas pelajaran kedua kemajuan murid-murid dalam menguasai kemahiran membaca jawi mula menampakkan perbezaan. Lima orang murid lebih maju dan telah dapat menguasai pelajaran yang diajar dengan cepat dimasukkan dalam kumpulan A manakala lima orang murid lagi lambat menguasai pelajaran yang diajar dan mudah lupa dimasukkan dalam kumpulan B. Murid kumpulan B mudah lupa suku kata awal berbanding dengan suku kata akhir, contohnya semasa membaca perkataan ‘درکو’ murid lupa suku kata ‘دو’ tetapi ingat suku kata ‘کو’، ini menyebabkan membaca perkataan ‘درکو’ menjadi ‘کوکو’. Oleh itu guru telah melatih tubi semula murid membunyikan suku kata ‘دو’، ‘کو’، ‘کوکو’، ‘دادا’ dan ‘کوکوکو’.

Guru memulakan pengajaran baru selepas seminggu berlalu, oleh itu guru perlu membuat ulangkaji selama 30 minit dengan murid-murid kerana murid yang lemah telah lupa tentang pelajaran yang lepas. Ini menyebabkan guru hanya

dapat memperkenalkan satu konsonan baru dalam masa 30 minit berikutnya pada minggu pertama hingga minggu keempat.

Dalam pelajaran keempat murid kumpulan A telah membantu murid kumpulan B melancarkan bacaan mereka dalam aktiviti pembelajaran berpasangan. Oleh itu dalam pelajaran kelima guru telah dapat terus memperkenalkan konsonan baru tanpa membuat ulangkaji dan latih-tubi pada permulaan pengajaran kerana murid-murid kumpulan B telah pun menguasai pelajaran yang lepas setelah dibantu oleh rakan-rakan mereka dari kumpulan A.

Ini menyebabkan semua murid telah dapat menguasai dua konsonan baru dalam satu pengajaran. Ini mungkin juga disebabkan konsonan ‘**č**’ lebih mudah dipelajari berbanding dengan konsonan yang lain.

Hasil keputusan latihan ejaan jawi yang diberikan pada akhir pengajaran kelima, pengkaji mendapati murid kumpulan A telah mendapat 8 hingga 10 markah dalam latihan menulis ejaan jawi manakala murid kumpulan B telah mendapat antara 0 - 5 markah. Ini kerana guru kurang menekankan kemahiran menulis sebaliknya guru lebih menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca jawi sahaja.

Analisis Kemajuan Murid-Murid Menguasai Kemahiran Membaca Jawi Menggunakan Kaedah Gabungan Bunyi Kata Berbantukan Huruf Rumi

Dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis kemajuan murid-murid menguasai kemahiran membaca jawi berdasarkan;

- a) Analisis penilaian harian.
- b) Analisis ujian kemahiran bacaan jawi secara bertulis.
- c) Analisis ujian bacaan jawi secara lisan.

a) Analisis Penilaian Harian

Analisis Penilaian Pertama

Tarikh: 11.8.1994

Masa: Satu jam

Objektif:

1. Murid-murid dapat membunyikan huruf vokal 'ا' و 'ي' dengan betul.
2. Murid-murid dapat menyebut suku kata 'کو' 'کی' dengan betul.
3. Murid-murid dapat membaca ayat 'کو کو کا کی'.

Kemajuan murid:

1. Di akhir pelajaran semua murid telah dapat membunyikan huruf vokal 'کو' 'کی' و 'ا' menyebut suku kata 'کو' 'کی' dan membaca ayat 'کو کو کا کی'.

Sikap Murid:

Semua murid menunjukkan minat untuk belajar kerana guru telah meyakinkan mereka bahwa pelajaran Jawi adalah senang dan mudah dipelajari.

Analisis Penilaian Kedua

Tarikh: 18.8.1994

Masa: Satu jam

Objektif:

1. Murid-murid dapat membunyikan suku kata 'دو' 'دی' dengan betul.
2. Murid-murid dapat membaca perkataan 'اد' 'دی' dan 'دی'.
3. Murid-murid dapat membaca ayat 'کو دادا' 'دی دو' dan 'دی اد'.

Kemajuan Murid:

1. Di akhir pelajaran lima orang murid telah dapat membunyikan suku kata 'دو' dan boleh membaca ayat 'ددا کودا' dan 'دی دو' dengan betul dan lancar. Murid-murid ini dikumpulkan dalam kumpulan A.
2. Lima orang murid lagi telah dapat menyebut suku kata 'دو', telah dapat membaca perkataan 'اد' dan 'دی' tetapi mereka masih salah membaca perkataan 'کودا' dan 'کوکو' kerana murid-murid ini terlupa bunyi suku kata awal. Murid ini dikumpulkan dalam kumpulan B.

Sikap Murid:

Murid-murid yang telah dapat menguasai pelajaran dengan cepat mula menunjukkan sikap yang negatif seperti mengganggu kawan semasa guru menumpukan perhatian kepada kumpulan yang belum menguasai pelajaran hari itu. Akibat dari keadaan ini guru telah merancang aktiviti tambahan atau pengkayaan untuk mereka dalam pelajaran yang akan datang.

Analisis Penilaian Ketiga

Tarikh: 1.9.1994

Masa: Satu jam

Objektif:

1. Murid-murid dapat membunyikan suku kata 'ب، بی، بو' dengan betul.
2. Murid-murid dapat membaca perkataan 'بابا، بوبو، ابو، اوبي' dengan betul.
3. Murid-murid dapat membaca ayat 'بو بو ابو' dan 'اوبي بابا'.
4. Murid-murid kumpulan A dapat membina dan membaca beberapa ayat mudah yang mereka susun sendiri.

Kemajuan murid:

1. Murid-murid kumpulan A telah dapat membunyikan suku kata 'ب، بی، بو'، 'اوی بابا' dan 'بو بو ابو' membaca ayat 'بو بو ابو، ابو، اوی بابا' dengan betul dan lancar. Mereka juga boleh membina dan membaca ayat mudah yang mereka susun sendiri menggunakan kad-kad suku kata yang telah dipelajari.
2. Murid-murid kumpulan B telah dapat menyebut suku kata 'ب، بی، بو' dan membaca perkataan 'بو بو ابو' tetapi lambat membaca ayat 'بو بو ابو، ابو، اوی بابا' kerana mereka mengeja dahulu sebelum membatang suku kata. Murid-murid juga kadang-kadang melakukan kesalahan membaca kerana terlupa bunyi suku kata sebelumnya.

Sikap Murid:

Aktiviti belajar sambil bermain dengan kad-kad suku kata yang telah disediakan oleh guru telah dapat mengelakkan murid-murid kumpulan A merasa bosan semasa guru melatihtubi murid-murid kumpulan B.

Analisis Penilaian Keempat:

Tarikh: 8.9.1994

Masa: Satu jam

Objektif:

1. Murid-murid dapat membunyikan suku kata 'س، سی، سو' dengan betul.
2. Murid-murid dapat membaca perkataan 'بوسو، سوک، ساکو، سوسو' dengan betul.

3. Murid-murid dapat membaca ayat:

- a. بُوكُو بُوسُو
- b. بُوسُو بُوكُ بُوكُو
- c. بُوسُو سُوكُ سُوسُو

Kemajuan murid:

1. Di akhir pelajaran murid-murid kumpulan A telah dapat membunyikan suku kata 'سَا، سِيْ، سُوْ' dan membaca perkataan 'سا، سي، سو' . Murid-murid telah boleh membaca tiga ayat yang diberikan iaitu 'بُوكُو بُوسُو، بُوسُو بُوكُ بُوكُو، بُوسُو سُوكُ سُوسُو' dengan betul dan lancar.
2. Murid-murid kumpulan B boleh membunyikan suku kata 'سَا، سِيْ، سُوْ' dan boleh membaca perkataan 'بُوكُو بُوسُو، بُوسُو بُوكُ بُوكُو، بُوسُو سُوكُ سُوسُو' tetapi masih lambat membaca ayat-ayat yang diberikan dan perlu dibantu oleh guru-guru dan kawan-kawan dari kumpulan A.

Sikap murid:

Aktiviti pembelajaran berpasangan telah mengwujudkan sikap bekerjasama dan tolong-menolong sesama mereka. Murid kumpulan A kelihatan gembira kerana diberi peluang menunjukkan kebolehan mereka membantu mengajar kawan-kawan mereka daripada kumpulan B. Manakala murid-murid kumpulan B kelihatan lebih senang, bebas dan tiada rasa takut dan segan ketika belajar dengan kawan-kawan dari kumpulan A.

Analisis Penilaian Kelima:

Tarikh: 15.9.1994

Masa: Satu jam

Objektif:

1. Murid-murid dapat membunyikan suku kata 'ما، مي، مو' dan 'تا، تي، تو' dengan lancar.
2. Murid-murid dapat membaca perkataan 'مات، ايت، موک، ماس، کيت، مان'.
3. Murid-murid dapat membaca lima ayat:
 - a. بوکو بوسو
 - b. بوسو بوک بوکو
 - c. بابا سوک سوسو
 - d. ایت تیتی
 - e. موک ماما مودا
4. Murid kumpulan A dapat menjawab 8 hingga 10 latihan jawi dengan betul.
5. Murid kumpulan B dapat menjawab 5 latihan ejaan jawi dengan betul.

Kemajuan murid:

1. Murid kumpulan A boleh membaca lima ayat yang diberikan iaitu (بوکو بوسو، بوسو بوک بوکو، بابا سوک سوسو، ایت تیتی، موک ماما مودا) dengan betul dan lancar manakala murid-murid kumpulan B hanya boleh membaca lima ayat tersebut dengan bimbingan guru.
2. Tiga orang daripada murid kumpulan A mendapat 10/10, seorang mendapat 9/10 dan seorang mendapat 8/10 manakala seorang daripada murid-murid kumpulan B mendapat 5/10, dua orang mendapat 2/10, dan seorang

mendapat 0/10 dan seorang tidak hadir.

Sikap murid:

Murid-murid telah menunjukkan minat untuk membaca jawi, mereka berlumba-lumba menawarkan diri untuk membaca ayat jawi di papan hitam.

b) Analisis Ujian Akhir Kemahiran Bacaan Jawi Secara Bertulis

Ujian akhir diberikan kepada murid-murid pada minggu keenam iaitu setelah mereka mengikuti lima jam pengajaran. Ujian ini mengandungi empat bahagian soalan yang menguji tahap penguasaan murid-murid dalam kemahiran-kemahiran berikut:

1. Kemahiran membaca perkataan dalam ejaan jawi.
2. Kemahiran membaca ayat dalam ejaan jawi.
3. Kemahiran menulis perkataan dalam ejaan jawi.
4. Kemahiran menulis ayat dalam ejaan jawi.

Kemahiran membaca perkataan dalam ejaan jawi terdapat dalam soalan pertama. Kemahiran ini diuji dengan meminta murid-murid menulis semula perkataan dalam ejaan jawi yang diberikan ke dalam tulisan rumi. Perkataan tersebut ialah:

1. بوكو
2. سوسو
3. کامي
4. ساي
5. مودا
6. باتو

Dalam bahagian ini semua murid dapat menuliskan semula perkataan

tersebut ke dalam tulisan rumi dengan betul. Ini menunjukkan bahawa semua murid telah dapat membaca perkataan-perkataan dalam ejaan jawi daripada suku kata yang telah dipelajari.

Kemahiran membaca ayat dalam ejaan jawi diuji dalam soalan ketiga. Murid-murid diminta menulis ayat-ayat berikut ke dalam tulisan rumi:

1. کوکو کاکی سای
2. کامی سوک سوسو
3. پاپا بوک بوکو
4. موک ماما مودا
5. بوسو کات ایت تیتی

Empat orang daripada murid kumpulan A telah dapat menulis semua ayat yang diberikan itu ke dalam tulisan rumi dengan betul. Ini menunjukkan empat orang daripada murid-murid kumpulan A ini telah boleh menguasai kemahiran membaca ayat dalam ejaan jawi dalam huruf-huruf konsonan yang telah dipelajari. Hanya seorang murid menulis perkataan سوک سوسو kepada ‘buka buku’. Murid tersebut telah membaca suku kata ‘سو’ sebagai ‘bu’ dan ‘ku’.

Tiga orang daripada murid kumpulan B juga melakukan kesalahan dalam menulis perkataan سوک سوسو kepada perkataan ‘buka buku’. Manakala dua orang murid lagi hanya menulis perkataan ‘kuku’ sahaja dan tidak menulis perkataan-perkataan yang lain. Murid-murid ini tidak mahu mencuba kerana merasa susah dan tidak yakin dengan kebolehan mereka untuk membaca ayat walaupun sebenarnya mereka boleh membaca. Ini ternyata apabila mereka menulis beberapa perkataan yang sama dalam soalan pertama dengan betul.

Soalan kedua menguji tahap keupayaan murid dalam menguasai kemahiran menulis jawi. Murid-murid diminta menulis perkataan-perkataan ke dalam tulisan jawi:

1. Kuku
2. Busu
3. Mama
4. Kuda
5. Itu

Semua murid dalam kumpulan A dapat menulis perkataan tersebut dalam ejaan jawi dengan betul kecuali perkataan titi ditulis sebagai ‘تٰي تٰي’. Murid-murid tidak menyambungkan tulisan tersebut menjadi ‘تٰي تٰي’. Ini kerana murid terpengaruh dengan cara penulisan perkataan-perkataan lain yang biasanya, dua suku kata ditulis secara terpisah.

Dua orang murid daripada kumpulan B dapat menulis perkataan-perkataan tersebut dalam ejaan jawi dengan betul kecuali perkataan titi ditulis sebagai ‘تٰي تٰي’. Dua orang murid lagi menulis perkataan kuda sebagai ‘ك د’ dan seorang murid lagi menulis perkataan Busu sebagai ‘بُوكو’.

Soalan keempat menguji kemahiran murid menulis ayat jawi. Murid-murid dikehendaki menulis ayat-ayat berikut ke dalam tulisan jawi.

1. Itu kaki kuda.
2. Busu ada bubu.
3. Baba buka buku.
4. Saya suka sasi.
5. Saku baju Mimi.

Murid-murid dalam kumpulan A dapat menulis semula ayat-ayat tersebut ke dalam tulisan jawi dengan betul. Murid-murid hanya melakukan kesilapan dalam menulis perkataan Mimi sebagai ‘مٰي مٰي’ dan menulis perkataan suka sebagai ‘سوکا’. Mereka menambah vokal ‘ا’ selepas konsonan ‘ك’ kerana terpengaruh dengan cara mengeja suku kata-suku kata KVKV yang lain.

Tidak seorang pun murid daripada kumpulan B cuba menulis semula ayat-ayat tersebut ke dalam tulisan jawi.

c) Analisis Ujian Bacaan Jawi Secara Lisan

Guru telah menyediakan enam ayat yang dibina dari suku kata-suku kata yang telah dipelajari daripada manuskrip Mudah Membaca Jawi oleh Prof. Isahak Haron untuk menguji bacaan murid-murid secara lisan. Ayat-ayat berikut ialah:

1. كوكو كاكى كودا.
2. بابا بوك بوکو.
3. بوسو سوك سوسو.
4. سيني اد دوكو.
5. موک ماما مودا.
6. ماما کات ایت تیتی.

Hasilnya pengkaji mendapati murid-murid dalam kumpulan A dapat membaca semua ayat yang diberikan dengan betul dan lancar. Tiga orang murid dari kumpulan B dapat membaca empat ayat yang pertama dan dua orang murid dari kumpulan B dapat membaca tiga ayat yang pertama dengan betul. Murid-murid kumpulan B ini tidak dapat membaca ayat kelima dan keenam dengan cepat dan lancar mungkin disebabkan ayat-ayat ini terdiri dari perkataan yang dibina daripada suku kata yang mengandungi konsonan ‘م’ yang baru dipelajari dan belum dapat diingati sepenuhnya.